

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 15/11/2016

Muka surat: 3

Tajuk : Kekurangan fizikal bukan penghalang genggam segulung ijazah sarjana

Kekurangan fizikal bukan penghalang genggam segulung ijazah sarjana

KOTA SAMARAHAN:
Kekurangan fizikal pada diri bukan penghalang Ngu Nyok Ping menggenggam segulung ijazah sarjana.

Graduan berusia 28 tahun itu yang berasal dari Sibu berjaya menamatkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Sains daripada Fakulti Ekonomi dan Perniagaan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) walaupun terpaksa bergerak menggunakan kerusi roda sepanjang menuntut di situ.

Ping memberitahu dorongan daripada bapa, Ngu El Kiong, 58, dan ibu, Soo Yik Chiet, 58, menguatkan semangatnya untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana pada 2011 selepas menamatkan ijazah sarjana muda pada 2009.

“Tujuh tahun menimba ilmu di UNIMAS adalah satu cabaran kepada saya kerana terpaksa bergerak menggunakan kerusi roda untuk menghadiri kuliah dan sebagainya berbanding rakan-rakan lain.

“Namun, itu semua tidak pernah mematahkan semangat, usaha serta kerja keras saya selama ini dan akhirnya berbaloi dengan ijazah yang dimiliki,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-20 di Arena Gemilang DeTAR PUTRA di sini semalam.

Menurutnya lagi, adiknya, Ngu Nyok Hua, 26, yang turut mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan Korporat di universiti yang sama banyak



GIGIH: Ping ditemani adiknya, Hua menunjukkan Ijazah Sarjana yang diperolehi mereka.

membantunya sepanjang pengajian.

“Pada masa ini saya aktif melakukan kerja-kerja ke-masyarakat membantu orang kurang upaya (OKU) kerana saya mahu memberi dorongan dan motivasi kepada golongan OKU agar mereka boleh berjaya seperti insan lain,” tambahnya.

Sementara itu, graduan termuda ijazah doktor falsafah daripada Fakulti Kejuruteraan, bidang kajian Kejuruteraan Kimia, Josephine Lai Chang Hui, 25, berkata, kejayaan yang dicapainya pada hari ini adalah berkat kerja keras dan semangat tidak pernah putus asa dalam menimba ilmu.

“Walaupun ramai beranggapan bidang kejuruteraan kimia adalah bidang yang agak rumit dan sukar namun bagi saya ia bidang yang cukup menyeronokkan kerana benar-benar menguji minda seseorang,” katanya.

Lai berkata selepas ini dia berhasrat mencari pekerjaan yang lebih baik sesuai dengan bidang yang dipelajari.

Manakala menurut penerima Anugerah Pro Canselor Kuhanraj Balan daripada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, sokongan keluarga selain melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum dan akademik di universiti amat penting untuk seseorang pelajar.

“Saya amat gembira menerima anugerah ini dan ia adalah pembakar semangat untuk saya mencapai lebih banyak lagi anugerah pada masa akan datang,” ujarnya.

Majlis konvokesyen itu turut menyaksikan graduan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Nurul Fatihah Amir dan graduan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Hee Han Li menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang).

Sementara itu, graduan Fakulti Kejuruteraan Siti Aishah Zulkafly pulamenerima Anugerah Canselor.

Penyampaian ijazah disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud pada sidang pertama semalam.